

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD
WASALI [SIPITANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah negara mempunyai lebih rizab tenaga elektrik yang mencukupi bagi memenuhi permintaan domestik menjelang tahun 2020 apabila Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Trend penggunaan tenaga di Malaysia telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sehingga kini, permintaan puncak (*maximum demand*) yang direkodkan di Semenanjung adalah 16,901 MW pada 11 Jun 2014 berbanding kapasiti terpasang sebanyak 20,901 MW menjadikan *available margin* berada pada paras 24% manakala bagi Sabah, permintaan puncak yang direkodkan adalah 907.5 MW pada 8 Mei 2014 berbanding *available capacity* sebanyak 1,125 MW menjadikan *available margin* pada paras 23%. Kementerian ini menjangkakan purata pertumbuhan permintaan elektrik dari tahun 2010 hingga tahun 2020 adalah pada kadar 3.2% setahun dengan mengambil kira pertumbuhan Keluaran Negara Kasar sebanyak 4.9% pada tahun 2014. Dengan kadar pertumbuhan ini, permintaan puncak pada tahun 2020 dijangka akan melonjak kepada 20,721MW di Semenanjung manakala meningkat kepada 1,331MW di Sabah.

2. Antara langkah yang diambil Kerajaan bagi memastikan permintaan elektrik yang meningkat ini ditampung ialah dengan mengkaji

dan meminda kedudukan permintaan dan penawaran bekalan elektrik sekurang-kurangnya 3 kali setahun, dengan mengambil kira perubahan dalam kadar pertumbuhan permintaan bekalan elektrik yang dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan ekonomi negara. Kajian berpenggal seperti ini adalah perlu supaya perancangan yang teliti dapat dibuat memandangkan kos pelaburan untuk prasarana penyediaan bekalan elektrik adalah tinggi dan memerlukan jangka masa yang panjang. Berdasarkan pelan pembangunan pembekalan elektrik sehingga tahun 2020 yang telah diluluskan, keperluan bekalan elektrik bagi tempoh tersebut adalah mencukupi dengan mengambilkira pembinaan loji-loji jana kuasa baru serta penamatan operasi loji-loji jana kuasa lama.

3. Bagi tempoh sehingga tahun 2024, sebanyak 16,771 MW dan 1,545 MW kapasiti penjanaan akan dibangunkan di Semenanjung dan Sabah. Berikut adalah projek-projek loji jana kuasa yang telah dikenalpasti dan sedang dilaksanakan di Semenanjung dan Sabah:

Pelan Pembangunan Penjana Semenanjung

Bil.	Projek	Bahan Api	Kapasiti (MW)	Tarikh Operasi Komersial
1.	TNB Janamanjung (Unit4)	Arang Batu	1,010	31 st Mac 2015
2.	CBPS Redevelopment	Gas	384.7	1 st Sept 2015
3.	Hulu Terengganu	Hidro	250	U1: 16 th Sept 2015 U2: 17 th Dec 2015
5.	Ulu Jelai	Hidro	372	U1: 13 th Dec 2015 U2: 14 th Mar 2016
7.	TNB Prai	Gas	1,071.43	1 st Jan 2016
6.	Tg. Bin Energy	Arang Batu	1,000	1 st Mac 2016
4.	Hulu Terengganu (Tembat)	Hidro	15	U1: 15 th Nov 2016 U2: 15 th Dec 2016
8.	Pengerang Co-Generation	Gas	400	1 st Jun 2017
9.	TNB Manjung Five	Arang Batu	1,000	1 st Okt 2017
10.	New CCGT	Gas	1,000	1 st Jun 2018
11.	Jimah East Power	Arang Batu	1,000 1,000	U1: 15 th Nov 2018 U2: 15 th Mei 2019
12.	Additional Chenderoh	Hidro	12	Okt 2018
13.	Tekai	Hidro	156	Dis 2020
14.	Telom	Hidro	132	Dis 2022

Pelan Pembangunan Penjanaan Sabah

Bil.	Projek Penjanaan	Bahan Api	Kapasiti (MW)	Tarikh Operasi Komersial
1.	SPR Energy (M) Sdn. Bhd.	Gas	100	13 Ogos 2014
2.	Kimanis Power Sdn. Bhd.	Gas	285	Blok 1: 16 Mei 2014 Blok 2: 22 Julai 2014 Blok 3: 7 November 2014
3.	Cash Horse Sdn. Bhd.	Biomass	10	5 November 2014
4.	Projek Naik Taraf Tenom Pangi (SESB)	Hidro	8	Unit 1: 4 Februari 2015 Unit 2: 5 Julai 2015 Unit 3 : 6 Disember 2015
5.	Stesen Jana Kuasa Lahad Datu (repowering)	Diesel/Gas	30	Disember 2016
6.	Stesen Jana Kuasa Batu Sapi, Sandakan (repowering)	Diesel/Gas	90	Januari 2017
7.	Stesen Jana Kuasa Tawau (repowering)	Diesel/Gas	85	Januari 2018
8.	Tawau Green Energy (TGE)	Geoterma	30	Disember 2017
9.	CCGT Sandakan	Diesel/Gas	390	Blok 1: 2019 Blok 2: 2020
10.	Hidroelektrik Upper Padas	Hidro	180	2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]
SOALAN :**

YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah bercadang untuk meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kesihatan, kesihatan dan keselamatan di kawasan yang berisiko tinggi yang terdedah dengan industri bahan berbahaya serta persediaan hadapi bencana luar jangka terutamanya di kawasan perindustrian Sipitang, Sabah yang kian berkembang pesat kini.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil maklum berkenaan perancangan dan kepesatan pembangunan di daerah Sipitang, Sabah. Pada ketika ini, terdapat sebuah hospital tanpa pakar yang beroperasi pada ketika ini iaitu Hospital Sipitang. Hospital ini beroperasi dengan 92 buah katil dengan kadar penggunaan katil (Bed Occupancy Rate) setahun sebanyak 25%. Pada ketika ini semua rujukan kepakaran dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth, Hospital Queen

Elizabeth 2 dan Hospital Wanita & Kanak-Kanak Sabah di Kota Kinabalu dengan jarak antara hospital berada dalam lingkungan 150km.

Bagi meningkatkan jaringan dan mutu perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut, KKM telah meluluskan Hospital Beaufort untuk dinaiktaraf sebagai Hospital Berpakar Minor. Projek naik taraf Hospital Beaufort ini telah diluluskan dan akan dilaksanakan pada tahun 2014. Apabila siap nanti, Hospital Beaufort akan memberi perkhidmatan kepakaran perubatan, pembedahan, kecemasan, paediatric, orthopedic, obstetric & gynaecologi, rehabilitasi dan radiologi untuk daerah Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu. Dengan naik taraf hospital berpakar minor ini, jarak rujukan pesakit dari Hospital Sipitang akan dipendekkan dari 150km kepada 45km sahaja.

Selain itu, beberapa perancangan persiapan bencana akan diusahakan. Antaranya ialah:

- Meningkatkan kerjasama dengan Sabah Air dan pangkalan tentera udara Malaysia di W.P Labuan bagi kemudahan penghantaran pesakit dan penghantaran pasukan kecemasan hospital melalui jalan udara. Kerjasama juga akan ditingkatkan dengan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM)
- Meningkatkan keupayaan serta kemudahan pasukan kecemasan yang berada di Hospital Sipitang dan hospital-hospital lain yang berdekatan seperti Hospital Beaufort, Hospital Kuala Penyu, Hospital Papar, Hospital Tenom dan Hospital Keningau. Kesemua hospital ini berada dalam lingkungan jarak 110km dari Hospital Sipitang di mana pasukan ini boleh tiba ke tempat bencana dalam tempoh kurang dari 2 jam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK SAPAWI BIN AHMAD
DARIPADA WASALI [SIPITANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agar kementerian dapat menilai dan menyemak kembali silibus subjek pelajaran agama Islam dan pendidikan moral di sekolah-sekolah bagi memastikan setiap pelajar disemai dengan nilai Islam atau moral yang baik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mata pelajaran Pendidikan Islam adalah mata pelajaran teras bagi murid beragama Islam. Matlamat kurikulum Pendidikan Islam ialah membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah S.W.T yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketrampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Pendidikan Moral pula merupakan mata pelajaran teras untuk murid bukan Islam mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Mata pelajaran Pendidikan Moral diperkenalkan kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah ini bertujuan untuk membentuk insan berakhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh

menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

Semua sukatan pelajaran mata pelajaran dalam sistem persekolahan termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral telah disemak seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bermula dengan murid tahun satu pada tahun 2011. Manakala Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) akan mula dilaksanakan pada tahun 2017 bermula dengan murid tingkatan satu.